

Mahathir tidak mahu dipuji keterlaluan

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat, terutama ahli Umno menjayakan semua rancangan pembangunan kerajaan sebagai tanda sokongan kepada kepemimpinannya.

Menggulung perbincangan di akhir Perhimpunan Agung Umno Ke-38 hari ini, Perdana Menteri berkata, sokongan rakyat terhadap program pembangunan kerajaan mampu merealisasikan matlamat menjadikan Malay-

sia negara maju.

Beliau mengingatkan rakyat jangan memuji keterlaluan kepadanya sehingga mengabaikan tanggungjawab.

Mereka juga boleh membuat teguran membina sebarang rancangan jika mendapati ia kurang baik.

"Kita harus tegur kalau ia tidak baik tetapi janganlah kita berusaha menggagalkannya dan selepas gagal kita kata-

LIHAT MUKA 2

Mahathir tidak mahu dipuji keterlaluan

DARI MUKA 1

kan kerajaan tidak bijak," katanya mengulas pujian pembahas sepanjang perhimpunan itu.

Dr Mahathir mengakui semua rancangan ada kelemahan kerana sebagai manusia, mereka tidak boleh membuat rancangan 100 peratus sempurna dan mesti mencapai matlamat sepenuhnya.

"Semua rancangan mempunyai kecacatan, tetapi kalau kita sanggup berusaha bersama-sama menjayakan rancangan itu, Insya-Allah rancangan itu akan mencapai kejayaan.

"Bukanlah saya nak kata saya tidak suka dipuji, tapi kadang-kadang ini merugikan kita semua. Lebih baik lagi kalau kita puji parti dan kerajaan.

"Jika ada sesuatu pencapaian yang dibuat oleh negara kita sebabnya adalah kerjasama di antara rakyat dan kerajaan. Ini menyebabkan negara kita mencapai kejayaan," katanya.

Menurutnya, Umno mencapai kejayaan kerana ahlinya matang sedangkan di negara lain, sesetengah parti tidak terkawal hala cara termasuk berlaku kejadian menaik dan menjatuhkan pemimpin.

"Kita capai kejayaan kerana persefahaman di antara kita. Memang ada kelemahan kepada kita dan pemimpin tetapi kerana kita sanggup bekerjasama dan memberi sokongan kepada kerajaan, kerajaan dapat melaksanakan rancangan sehingga mencapai kejayaan," katanya.